

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 104

Minta **JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Petronas akan mematuhi undang-undang negeri Sarawak untuk menjalankan operasi di negeri berkenaan dengan mendaftar sebagai pembayar cukai jualan ke atas produk petroleum yang telah berkuatkuasa 1 Januari 2019 yang dikenakan oleh Kerajaan negeri selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persoalan yang dibangkitkan ini merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam **Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Keahlian Jawatankuasa Khas Kabinet ini merangkumi pelbagai pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk YAB Ketua Menteri Sarawak dan YAB Ketua Menteri Sabah. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 17 Disember 2018, 5 Mac 2019 dan 18 Mei 2019.

Mesyuarat pada 17 Disember 2018 antara lain bersetuju supaya isu petroleum dibincangkan dalam forum berasingan memandangkan isu ini amat kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan yang perlu diberi pertimbangan.

Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 16 Mei 2019 (Khamis) di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Putrajaya.

Mesyuarat dihadiri oleh pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA); Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); Jabatan Peguam Negara (AGC); dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), mewakili Kerajaan Persekutuan. Manakala Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merupakan Urus setia untuk Forum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terma Rujukan (*Term of Reference* – TOR) Forum Berasingan telah dimuktamad dan dipersetujui tanpa sebarang pindaan antara kedua belah pihak. Antara persetujuan dicapai setakat ini adalah mengenai pembayaran tunai (atau royalti minyak) yang mana Kerajaan Persekutuan bersedia menimbang semula cadangan kenaikan pembayaran tunai setelah kedudukan fiskal Negara pulih dan stabil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop forum berasingan ini hanya menumpukan kepada tiga (3) perkara iaitu:-

- (i) Penyelesaian komersial bersama PETRONAS;
- (ii) Royalti atau bayaran tunai; dan
- (iii) Cukai termasuk duti eksport dan cukai jualan.

Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini akan diangkat kepada Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) MA63 untuk pertimbangan dan persetujuan.